

Arkitek pembangunan negara

BH- 15/6/2007

Idea perpaduan berjaya bawa pembangkang sertai Barisan Nasional

Oleh Wan Ahmad Farid Wan Salleh

SUATU hari pada 1972, riuh rendah kelas Darjah 5 di Sekolah Rendah Sultan Ismail, Kemaman, Terengganu menjadi senyap seketika apabila Guru Besar, Yong Hitam masuk untuk membuat pengumuman: "Esok Tun Razak nak melawat Kemaman". Dia kemudian mengarahkan kami bersiap sedia berbaris di sepanjang kiri dan kanan jalan untuk laluan Perdana Menteri yang kedua itu.

Kami seronok dan teruja. Lawatan seorang Perdana Menteri bagaikan satu pesta dan beliau disambut meriah. Saya dan rakan sekelas berbaris dan masing-masing berbisik-bisik, "Tun Razak membalas lambaian aku".

Itulah gambaran keseronokan anak kecil ini apabila Razak mengangkat tangan dan melambatkan dari kereta rasminya yang meluncur perlahan. Di sebelahnya ialah Menteri Besar Terengganu ketika itu, Datuk Nik Hassan Abdul Rahman.

Selepas menyelesaikan urusan rasminya di Pejabat Daerah Kemaman, Tun Razak Hussein singgah berehat di kediaman rasmi Pegawai Daerah. Kebetulan arwah bapa saya ialah pegawai daerah pada masa itu. Saya sengaja balik awal dari sekolah pada hari itu semata-mata untuk melihat dari dekat dan berjumpa dengan Perdana Menteri. Saya sempat bersalam dengannya dan itulah kali pertama dan terakhir saya berjumpa dengan negarawan itu.

Selama hampir 20 tahun di dalam pentadbiran negara sejak kemerdekaan, boleh dikatakan semua daerah di negara ini dijejaki Razak. Beliau ialah yang memperkenalkan konsep 'bilik gerakan' di setiap pejabat daerah.

Seorang penulis politik kontemporari yang menulis ketika kematian Razak pada Januari 1976 menyatakan bahawa "lebih sejaruh usia Razak dicurahkan untuk perjuangan menegakkan kedaulatan negara, kesejahteraan rakyat dan keamanan dunia".

Tetapi legasi Razak kepada pembangunan negara tidak saja terhad kepada pembangunan fizikal negara kita. Ia bermula dengan seorang pejuang yang mempunyai cita-cita amat tinggi untuk membebaskan negara dan bangsanya daripada belenggu penjajahan.

Sejarah merakamkan bahawa oleh kerana kesibukannya menjadi aktivis kemerdekaan, Razak lambat berkahwin. Beliau akhirnya berkahwin dengan anak gadis dari Johor, (Tun) Rahah Mohd Noah. Anak mereka yang sulung lahir pada Julai 1953 dan diberi nama Mohd Najib (kini Timbalan Perdana Menteri).

Nama itu adalah mengambil sempena nama Jeneral Muhammad Naguib, seorang jeneral tentera Mesir yang memimpin revolusi di Mesir pada 1952. Di sini terserlah sifat 'keantarabangsaan' Razak.

Malaya mencapai kemerdekaan pada 1957. Dan sejarah turut memaparkan peranan besar Razak di dalam membebaskan bangsanya daripada cengkaman penjaja-

INTI PATI

Legasi Tun Abdul Razak



- Hampir 20 tahun dalam pentadbiran negara dan banyak mencurahkan idea untuk proses pembangunan nasional
- Penubuhan bilik gerakan bertujuan menggerakkan jentera kerajaan ke arah pembangunan dan perpaduan kaum
- Tokoh yang menerajui pimpinan negara selepas peristiwa 13 Mei 1969 diikuti peletakan jawatan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra
- Perancang idea pembangunan ekonomi luar bandar hingga penubuhan Felda untuk menjana ekonomi desa
- Penubuhan Barisan Nasional berjaya mengurangkan politik di kalangan bangsa Melayu. Pas di bawah pimpinan Datuk Asri turut menyertai gabungan Barisan Nasional yang terajui parti pelbagai kaum
- Legasi politik Razak ialah keberaniannya mengambil risiko. Razak mengingatkan perwakilan Umno bahawa satu sifat orang Melayu yang istimewa ialah 'mereka sentiasa taat dan patuh kepada pucuk pimpinan yang mereka pilih'

han. Tetapi legasi Razak tidak terhenti di situ. Beliau tidak teragak-agak mengambil risiko politik demi faedah rakyat dan negara.

Tiga tahun selepas negara mula pulih dan reda daripada malapetaka 13 Mei 1969, Razak yang baru saja menjadi Perdana Menteri dan Presiden Umno mula melontarkan idea untuk meluaskan konsep kerajaan campuran di seluruh negara.

Pada Perhimpunan Agung Umno, Jun 1972, Razak secara terbuka menyatakan pendiriannya untuk tidak menolak sebarang usaha bekerjasama dengan Pas di Kelantan 'demi kepentingan negara dan kemajuan rakyat, khasnya di negeri kurang maju seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah'.

Melontarkan idea yang sedemikian radikal di hadapan perwakilan Umno memerlukan tahap keberanian luar biasa. Tentu bukan sedikit perwakilan Umno di dalam perhimpunan itu yang berjuang menentang Pas sepanjang hayat politik mereka.

Tiba-tiba datang ilham daripada pucuk pimpinan meminta mereka bekerjasama dengan Pas. Tetapi ini mampu dilakukan Razak walaupun pada masa itu tidak sampai dua tahun beliau menjadi presiden parti. Lebih penting, dasar yang dicadangkan itu jauh menyimpang daripada dasar pada zaman Tunku Abdul Rahman yang tidak pernah berminat untuk bekerjasama dengan pembangkang.

Datuk (kemudian Tan Sri) Asri Muda sebagai Presiden Pas pula menyambut saranan itu di dalam Kongres Pas yang diadakan pada tahun sama dengan menyatakan akan mempertimbangkan sebarang 'kerjasama dengan Perikatan sekiranya ia dapat diadakan di peringkat pusat dan negeri'. Yang selebihnya adalah sejarah.

Selepas kerajaan campuran itu, Barisan Nasional (BN) pun tertubuh dan lahir lah gagasan komponen parti yang besar, ditunjangi Umno. Satu lagi legasi politik Razak.

Di dalam parti pula, Razak sentiasa menonjolkan kepemimpinannya. Pada akhir pentadbirannya, beliau mendapat tentangan dalaman daripada segelintir pemimpin Umno.

Barangkali ucapan perhimpunan agung yang paling diingat sepanjang Razak menjadi Presiden Umno adalah ucapannya pada Jun 1975 yang juga menjadi ucapan dasarnya yang terakhir. Menurut pengakuan Razak sendiri di dalam ucapan berkenaan, perhimpunan tahun itu adalah 'mendebarkan hati ahli'.

Apa tidaknya, tahun itu menyaksikan lapan tokoh menawarkan diri untuk tiga jawatan Naib Presiden. Mereka ialah (Tun) Abdul Ghafar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Harun Idris, Datuk Hamzah Abu Samah, Tan Sri Syed Jaafar Albar, (Tun) Dr Mahathir Mohamad, (Tun) Ghazali Shafie dan Tan Sri Ghazali Jawi.

Razak mengetahui bahawa beliau perlu memberi panduan kepada perwakilan bagaimana untuk membuat pilihan. Di dalam ucapan dasarnya bertajuk 'Kejujuran Asas Ke-

jayaan' Razak dengan beraninya menyebut dan memuji tiga nama daripada lapan calon Naib Presiden itu iaitu Ghafar, Tengku Razaleigh dan Dr Mahathir.

Pendekatan Razak untuk menamakan dan memuji tiga orang calon Naib Presiden tanpa menyebut langsung lima calon lain, sesungguhnya adalah satu tindakan berani, terbuka dan berisiko tinggi.

Tetapi legasi politik Razak ialah kerana keberaniannya mengambil risiko. Pada peringkat awal ucapan dasarnya, Razak mengingatkan perwakilan bahawa satu sifat orang Melayu yang istimewa ialah 'mereka itu sentiasa taat dan patuh kepada pucuk pimpinan yang mereka pilih'.

Ringkasnya mesej tersirat yang hendak disampaikan Razak di dalam ucapannya ialah oleh kerana dia adalah pemimpin parti yang dipilih oleh perwakilan, maka dia mengharap mereka patuh dan taat kepada saranannya.

Razak dikritik kerana di dalam ucapan itu beliau dikatakan gagal menjadi bapa kepada semua. Tidak seperti Tunku yang pada sepanjang masa menjadi bapa di dalam parti, Razak dikatakan gagal berbuat demikian dengan menyebut dengan jelas nama calon yang dikehendakinya menang di dalam jawatan penting parti.

Tetapi tidak ramai yang menyedari bahawa di dalam ucapannya yang terakhir itu, Razak ada menyebut bahawa Umno adalah parti demokratik dan sesiapa saja boleh bertanding sebarang jawatan. Beliau tidak menghalang pertandingan tetapi sebagai pemimpin beliau memberikan nasihat kepada perwakilan demi memastikan Umno 'terus kuat dan teguh untuk beberapa tahun yang akan datang'.

Sebagai Presiden parti dan Pengerusi BN yang baru saja mendapat mandat besar rakyat melalui pilihan raya umum pada Ogos 1974, Razak memikirkan bahawa beliau berhak untuk memberikan nasihat sedemikian.

Ringkasnya, nasihat itu diberikan dengan latar belakang kekuatan kemenangan BN yang dipimpin oleh Razak selaku Perdana Menteri dan Pengerusi BN. Ada pemerhati politik menatakan bahawa nasihat itu lebih kepada arahan tersirat. Hakikatnya, dengan mandat rakyat yang sebegitu besar kepada BN, Razak berhak dari sudut politik untuk memberikan arahan tersirat itu.

Ternyata bahawa perwakilan perhimpunan agung Umno 1975 akur kepada pandangan itu dengan kemenangan ketiga-tiga calon yang dinamakan oleh Razak. Ghafar, Tengku Razaleigh dan Dr Mahathir menjadi pilihan perwakilan untuk menjadi Naib Presiden parti.

Razak tidak lama menjadi Perdana Menteri dan Presiden Umno. Takdir menentukan beliau pergi lebih awal. Tunku dipetik sebagai berkata, Razak meninggal dunia pada usia terlalu muda. Biarpun begitu, legasi yang ditinggalkan terus relevan dan mempengaruhi aliran politik semasa.

Senator Datuk Wan Ahmad Farid adalah Setiausaha Politik kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan Ketua Umno Bahagian Kuala Terengganu